

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM**  
**[ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) tentang salahlaku hakim-hakim akan dibentuk.

**JAWAPAN:** **YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 20 Februari 2019 memutuskan supaya suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan dan tindakan mengenai penubuhannya sedang diambil selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119].

Pada 15 Mac 2019, Memorandum daripada Perdana Menteri berkenaan dengan Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Dakwaan Salah Laku Badan Kehakiman, yang mencadangkan Terma Rujukan bagi Suruhanjaya Siasatan Diraja tersebut telah dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri. Sehubungan dengan itu, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa perlaksanaannya ditangguhkan dahulu sehingga ke waktu yang sesuai.

Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri tersebut, Terma Rujukan bagi Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Dakwaan Salah Laku Badan Kehakiman ini masih belum dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan.

**NO. SOALAN: 174**

Cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja telah dicabar oleh Mantan Ketua Menteri Sabah iaitu Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee sebagai tidak berpelembagan dengan menfailkan Saman Pemula terhadap Kerajaan. Permohonan untuk membatalkan Saman Pemula tersebut telah dibuat di bawah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan tarikh pendengaran permohonan tersebut ditetapkan pada 12 Julai 2019 yang kemudiannya ditangguhkan untuk penjelasan dan keputusan pada 23 Julai 2019. Maka, wajar isu tersebut diputuskan oleh Mahkamah sebelum Kerajaan mengambil tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.